

**HUBUNGAN ANTARA SIKAP DAN MOTIVASI INTRINSIK DENGAN  
EFIKASI KENDIRI GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI DALAM  
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK**

**NOR AZILA BINTI ISA**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

**Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**OGOS 2021**

## **DEDIKASI**

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T dengan limpah dan izin-Nya dapat menyiapkan laporan projek penyelidikan ini.

Teristimewa buat ayah dan ibu, Allahyarham Isa bin Saad dan Allahyarhamah Che Yah binti Junus yang menjadi pembakar semangat.

Suami dan anak-anak serta keluarga yang sentiasa mendoakan, memberi sokongan, semangat dan nasihat dalam meneruskan perjuangan.

Pensyarah yang banyak berjasa dalam memberikan sokongan dan panduan, hanya Allah yang dapat membalas segala jasa dan bakti yang dicurahkan.

Serta rakan-rakan seperjuangan yang saling membantu dan menyokong, jasa kalian amat dihargai.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan laporan projek penyelidikan sebagai memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan dalam tempoh yang ditetapkan. Saya juga bersyukur kerana segala masalah dan kekangan yang dihadapi sepanjang kajian ini dijalankan dapat diatasi. Semua cabaran yang dihadapi menjadikan saya lebih tabah dan manisnya kejayaan ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Mohd Rustam Mohd Rameli selaku penyelia projek penyelidikan ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah memberikan sokongan dan dorongan kepada saya dalam menghadapi cabaran sepanjang menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pegawai di PPD Kluang dan guru-guru di sekolah sekitar Kluang yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian.

Tidak lupa juga, penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang tercinta, suami, anak-anak serta ahli keluarga yang sentiasa mendoakan, memberikan sokongan, semangat serta nasihat bagi meneruskan perjuangan. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang saling membantu dan berkongsi ilmu dalam melaksanakan kajian ini. Di samping itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan sekerja yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan moral.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Perubahan abad ke-21 memberi kesan kepada sistem pendidikan di Malaysia melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan lebih ramai pelajar berkemahiran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sikap dan motivasi intrinsik terhadap efikasi sendiri bagi melaksanakan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek dalam kalangan guru Reka Bentuk dan Teknologi sekolah rendah. Tidak banyak kajian yang dilakukan untuk melihat hubungan secara serentak antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut khususnya dalam konteks matapelajaran Reka Bentuk dan Teknologi bagi murid sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang dijalankan secara tinjauan (*survey*) dan melibatkan tiga instrumen soal selidik iaitu "*Teachers' Sense of Efficacy Scale*" (TSES), instrumen sikap yang diadaptasi daripada Hazlin (2016) dan "*Intrinsic Motivation Inventory*"(IMI). Seramai 155 orang guru Reka Bentuk dan Teknologi sekolah rendah di daerah Kluang, yang terlibat dalam kajian ini. Analisa deskriptif menunjukkan guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap sikap yang positif, motivasi intrinsik yang tinggi dan efikasi sendiri yang tinggi terhadap pembelajaran berasaskan projek. Sementara itu, analisa kolerasi spearman menunjukkan keputusan hubungan positif kuat ( $r = 0.730$ ) yang signifikan antara sikap dengan efikasi sendiri guru. Sementara itu, hubungan antara motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri guru mencatatkan nilai kolerasi positif sederhana ( $r = -0.452$ ) dan signifikan. Analisa regresi berganda yang dijalankan menunjukkan ( $F(2, 152) = 96.312, p < 0.05$ ), dengan  $R^2 = 0.553$ . Hal ini menunjukkan bahawa gabungan dua pemboleh ubah sikap dan motivasi intrinsik membawa kepada perubahan varians sebanyak 55.3% ke atas efikasi sendiri guru. Pemeriksaan ke atas nilai  $t$  di dalam jadual di atas menunjukkan bahawa pekali regresi di populasi dari mana sampel diperolehi adalah positif ( $t = 2.184; p < .05$ ). Kajian ini memberikan implikasi terhadap guru khususnya, pihak pentadbir, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan untuk membantu guru mengekalkan tahap sikap yang positif serta tahap motivasi intrinsik yang tinggi untuk meningkatkan efikasi sendiri guru terhadap kaedah pembelajaran berasaskan projek. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi lanjutan kajian pada masa hadapan untuk membantu guru menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan selaras dengan perubahan abad ke-21.

## ABSTRACT

The changes of the 21st century are impacting the education system in Malaysia through teaching and learning methods to produce more skilled students. This study aims to examine the relationship between attitudes and intrinsic motivation on self-efficacy to implement the Project Based Learning method among primary school Design and Technology teachers. There are few studies have been conducted to look into the simultaneous relationship between these three variables especially in the context of Design and Technology subjects for primary school students. This study uses a quantitative method conducted by survey and involves three questionnaire instruments namely 'Teachers' Sense of Efficacy Scale' (TSES), attitude instrument adapted from Hazlin (2016) and 'Intrinsic Motivation Inventory' (IMI). A total of 155 Design and Technology primary school teachers in Kluang district, Johor were involved in this study. Descriptive analysis showed that the teachers involved in this study had a level of positive attitude, high intrinsic motivation and high self-efficacy towards project-based learning. Meanwhile, Spearman correlation analysis showed a strong positive relationship ( $r = 0.730$ ) which was significant between attitudes and teacher self-efficacy. Meanwhile, the relationship between intrinsic motivation and teacher self-efficacy recorded a moderate positive correlation value ( $r = -0.452$ ) and significant. Multiple regression analysis that was run showed ( $F(2, 152) = 96,312, p < 0.05$ ), with  $R^2 = 0.553$ . This shows that the combination of the two variable attitude and intrinsic motivation led to a 55.3% change in variance on the teacher's self-efficacy. An upward examination of the t-value in the table above shows that the regression coefficient in the population from which the sample was obtained is positive ( $t = 2.184; p < .05$ ). This study has implications for teachers in particular, administrators, District Education Offices, State Education Departments and the Ministry of Education to help teachers maintain a positive attitude and a high level of intrinsic motivation to improve teachers' self-efficacy on project-based learning methods. Several suggestions have been put forward for further research in the future to help teachers produce effective teaching and learning processes in line with the changes of the 21st century.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii-xi</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii-xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1 - 4
	1.2 Latar Belakang Kajian	4 - 11
	1.3 Penyataan Masalah	11 - 13
	1.4 Objektif Kajian	13 - 14
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Hipotesis Kajian	14 - 15
	1.7 Kerangka Teori	15 - 19
	1.8 Kerangka Konsep	19 - 22
	1.9 Skop dan Batasan Kajian	22 - 23
	1.10 Kepentingan Kajian	23 - 24
	1.11 Definisi Istilah	24 - 25
	1.11.1 Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	25
	1.11.2 Efikasi Kendiri	25
	1.11.3 Sikap	26
	1.11.4 Motivasi Intrinsik	26
	1.12 Rumusan	27

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>29</b>
2.1	Pengenalan	29
2.2	Pembolehkan Kajian	29
2.2.1	Efikasi Kendiri dalam PBP	30 - 31
2.2.2	Faktor Efikasi sendiri Guru dalam PBP	32 - 35
2.2.3	Sikap Guru dalam PBP	35 - 36
2.2.4	Kesan Sikap Guru dalam PBP	37 - 38
2.2.5	Motivasi Intrinsik Guru dalam PBP	38 - 39
2.2.6	Kesan Motivasi Intrinsik Guru dalam PBP	39 - 41
2.3	Teori Kajian	41
2.3.1	Teori Efikasi Kendiri	41 - 43
2.3.2	Teori Model Sikap ABC	43 - 45
2.3.3	Teori Motivasi Intrinsik	45 - 46
2.4	Kajian Lepas	46
2.4.1	Kajian Lepas Berkenaan Efikasi Kendiri Guru dalam PBP	46 - 49
2.4.2	Kajian Lepas Berkenaan Sikap Guru dalam PBP	49 - 54
2.4.3	Kajian Lepas Berkenaan Motivasi Intrinsik Guru dalam PBP	54 - 58
2.5	Rumusan	59
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>61</b>
3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61 - 62
3.3	Lokasi Kajian	62
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	63
3.4.1	Persampelan	64
3.5	Instrumen Kajian	64 - 65
3.5.1	Bahagian B Instrumen Kajian: Teachers' Sense of Efficacy Scale (TSES)	65 - 67
3.5.2	Instrumen Sikap Guru	67 - 68
3.5.3	Instrumen Motivasi Instrinsik	68 - 70
3.6	Kajian Rintis	70 - 71
3.6.1	Analisis Rasch terhadap Instrumen TSES	71 - 72

3.6.1.1	Statistik Item TSES	72
3.6.1.2	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item - Responden TSES	73 - 74
3.6.1.3	Unidimensi Item TSES	75 - 76
3.6.2	Analisis Rasch terhadap Instrumen Sikap	76
3.6.2.1	Statistik Item Sikap	77
3.6.2.2	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item - Responden Sikap	77 - 79
3.6.6.3	Unidimensi Item Sikap	79 - 80
3.6.3	Analisis Rasch Terhadap Instrumen IMI	80 - 81
3.6.3.1	Analisis Rasch Terhadap Instrumen IMI (Kitaran 1)	81
3.6.3.2	Statistik Item Motivasi Intrinsik (Kitaran 1)	81
3.6.3.3	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item - Responden Sikap (Kitaran 1)	82 - 83
3.6.3.4	Unidimensi Item IMI (Kitaran 1)	83 - 84
3.6.3.5	Analisis RASCH Terhadap Instrumen IMI (Kitaran 2)	84 - 87
3.7	Prosedur Kajian	87 - 88
3.8	Analisis Data	89
3.8.1	Analisis Deskriptif	89
3.8.1.1	Median	89 - 90
3.8.2	Analisis Inferensi	90
3.8.2.1	Korelasi	90 - 91
3.8.2.2	Regrasi	91
3.9	Rumusan	92
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>93</b>
4.1	Pengenalan	93
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	93 - 94
4.2.1	Analisis Jantina Responden	94
4.2.2	Analisis Umur Responden	95
4.2.3	Analisis Kelulusan Ikhtisas	95 - 96
4.2.4	Analisis Pengalaman Mengajar	96
4.3	Analisis Tahap Sikap terhadap Kaedah PBP dalam kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	97 - 99



4.4	Analisis Tahap Motivasi Intrinsik terhadap Kaedah PBP dalam kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	100 - 103
4.5	Analisis Tahap Efikasi Kendiri Terhadap Kaedah PBP Dalam Kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	103 - 106
4.6	Analisis Korelasi Hubungan antara Sikap dengan Efikasi Kendiri terhadap Kaedah PBP dalam kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	106 - 107
4.7	Analisis Korelasi Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dengan Efikasi Kendiri Terhadap Kaedah PBP Dalam Kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	107 - 108
4.8	Analisis Pengaruh Sikap dan Motivasi Intrinsik terhadap Efikasi Kendiri bagi Melaksanakan Kaedah PBP dalam kalangan Guru RBT Sekolah Rendah	108 - 109
4.9	Rumusan	109
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	<b>111</b>
5.1	Pengenalan	111
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	111 - 113
5.3	Perbincangan Objektif Kajian	113
5.3.1	Perbincangan berkenaan Tahap Sikap Guru RBT Sekolah Rendah terhadap Kaedah PBP	113 - 118
5.3.2	Perbincangan Tahap Motivasi Intrinsik Guru	118 - 121
5.3.3	Tahap Efikasi Kendiri Guru	121 - 125
5.3.4	Perbincangan Hubungan Sikap dengan Efikasi Kendiri	125 - 126
5.3.5	Perbincangan Hubungan Motivasi Intrinsik dengan Efikasi Kendiri	127 - 128
5.3.6	Perbincangan Pengaruh Sikap dan Motivasi Intrinsik Terhadap Efikasi Kendiri	128 - 130
5.4	Implikasi Teori	130 - 133
5.5	Implikasi Praktikal	133
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	134
5.7	Penutup	134 - 135
	<b>RUJUKAN</b>	<b>137 - 149</b>

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	63
Jadual 3.2	Konstruk Efikasi Kendiri	66
Jadual 3.3	Nilai Kebolehpercayaan TSES	67
Jadual 3.4	Konstruk Sikap Guru	68
Jadual 3.5	Konstruk Motivasi Intrinsik Guru	69
Jadual 3.6	Nilai Kebolehpercayaan IMI	70
Jadual 3.7	Statistik Item TSES	72
Jadual 3.8	Interpretasi Skor Alpha Cronbach (Bond & Fox, 2015)	73
Jadual 3.9	Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) Bagi Item TSES	73
Jadual 3.10	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item-Responden	74
Jadual 3.11	Unidimensi bagi Mengukur Efikasi Kendiri	75
Jadual 3.12	Nilai Korelasi Residual Terpiawai	75
Jadual 3.13	Keputusan Ujian Rintis Instrumen TSES	76
Jadual 3.14	Statistik Item Sikap	77
Jadual 3.15	Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) Sikap	78
Jadual 3.16	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Sikap	78
Jadual 3.17	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden Sikap	79
Jadual 3.18	Unidimensi Bagi Mengukur Sikap	79
Jadual 3.19	Nilai Korelasi Residual Terpiawai item Sikap	80
Jadual 3.20	Keputusan Ujian Rintis Instrumen Sikap	80
Jadual 3.21	Statistik Item IMI (Kitaran 1)	81
Jadual 3.22	Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) IMI (Kitaran 1)	82
Jadual 3.23	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item IMI (Kitaran 1)	82
Jadual 3.24	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden IMI (Kitaran 1)	83
Jadual 3.25	Unidimensi Bagi Mengukur Motivasi Intrinsik (Kitaran 1)	83
Jadual 3.26	Nilai Korelasi Residual Terpiawai Kitaran 1	84
Jadual 3.27	Statistik Item IMI (Kitaran 2)	85
Jadual 3.28	Ringkasan Statistik IMI (Kitaran 2)	85 - 86
Jadual 3.29	Unidimensi Bagi Mengukur IMI (Kitaran 2)	86

Jadual 3.30	Keputusan Ujian Rintis Instrumen IMI	87
Jadual 3.31	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	91
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden	94
Jadual 4.2	Analisis Median Sikap bagi Subkonstruk Afektif	97
Jadual 4.3	Analisis Median Sikap bagi Subkonstruk <i>Behavioral</i>	98
Jadual 4.4	Analisis Median Sikap bagi Subkonstruk Kognitif	99
Jadual 4.5	Analisis Median Sikap	99
Jadual 4.6	Analisis Median Motivasi Intrinsik bagi Subkonstruk Autonomi	100
Jadual 4.7	Analisis Median Motivasi Intrinsik bagi Subkonstruk Kompetensi	101
Jadual 4.8	Analisis Median Motivasi Intrinsik bagi Subkonstruk Hubungan	102
Jadual 4.9	Analisis Median Motivasi Intrinsik	102
Jadual 4.10	Analisis Median Efikasi Kendiri bagi Subkonstruk Strategi Pengajaran	103
Jadual 4.11	Analisis Median Efikasi Kendiri bagi Subkonstruk Pengurusan Bilik	104
Jadual 4.12	Analisis Median Efikasi Kendiri bagi Subkonstruk Penglibatan Murid	105
Jadual 4.13	Analisis Median Efikasi Kendiri	106
Jadual 4.14	Analisis Korelasi Spearman Hubungan Sikap dengan Efikasi Kendiri	106
Jadual 4.15	Analisis Korelasi Spearman Hubungan Motivasi Intrinsik dengan Efikasi Kendiri	107
Jadual 4.16	Analisis Regresi Pengaruh Sikap Dan Motivasi Intrinsik Terhadap Efikasi Kendiri	108
Jadual 4.16a	Model Summary	108
Jadual 4.16b	ANOVA <sup>a</sup>	108
Jadual 4.16c	Coefficients <sup>a</sup>	109
Jadual 5.1	Ringkasan Status Hipotesis	113

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Teori	16
Rajah 1.2	Kerangka Teori Efikasi Kendiri Guru	17
Rajah 1.3	Kerangka Konsep Kajian	20
Rajah 3.1	Teknik Persampelan	64
Rajah 3.2	Carta Alir Prosedur Kajian	88
Rajah 4.1	Jantina Responden	94
Rajah 4.2	Umur Responden	95
Rajah 4.3	Kelulusan Ikhtisas Responden	96
Rajah 4.4	Pengalaman Mengajar Responden	96

## SENARAI SINGKATAN

BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>
IMI	-	<i>The Intrinsic Motivation Inventory</i>
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBM	-	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PBP	-	Pembelajaran Berasaskan Projek
Pdp	-	Pengajaran dan pembelajaran
RBT	-	Reka Bentuk dan Teknologi
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	-	Sekolah Kebangsaan
TSES	-	<i>Teacher Sense of Efficacy</i>

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Soal Selidik	151 - 155
Lampiran B	Surat Pengesahan UTM	156

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan mata pelajaran yang baru diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bermula pada tahun 2011 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Mata pelajaran ini mementingkan kandungan teks kurikulum dan kaedah penyampaian yang lebih berkesan. Terdapat perubahan yang besar dalam kurikulum ini dari segi standard pembelajaran yang lebih menjurus kepada idea yang kreatif dalam mereka bentuk, penggunaan teknologi pembuatan yang moden, kaedah penyelesaian masalah dalam kehidupan, dan penghasilan projek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Tajuk-tajuk yang diperkenalkan kepada murid juga merupakan tajuk yang sesuai dengan perubahan teknologi dan keperluan pasaran semasa.

Proses pembelajaran dalam RBT menekankan aspek pengetahuan, kemahiran, langkah kerja bagi penghasilan sesuatu projek. Murid yang mempelajari RBT dalam KSSR akan lebih terdedah kepada aspek mereka bentuk dan menggunakan bahan serta teknologi semasa menghasilkan projek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Domain pembelajaran psikomotor bagi mata pelajaran RBT melibatkan kemahiran membuat projek yang menjadi asas penting dalam menilai tahap pemahaman murid secara kognitif. Kemahiran ini dapat dikaitkan dengan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek yang mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2006. Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan kaedah instruksional yang membenarkan murid membina kemahiran dan mendapatkan ilmu dalam menghasilkan hasil projek akhir secara

koperatif dengan teknik *'hands-on'* dan *'minds-on'* (Kaldi, Filippatou & Govaris, 2011).

Sesuai dengan mata pelajaran RBT, pendekatan PBP menekankan kepada strategi pembelajaran berpusatkan murid dan kurikulum berasaskan hasil pembelajaran. Pelaksanaan PBP dapat mengembangkan kemahiran kerja tangan dan pemikiran (Nor Hamidah & Zanaton, 2014) di mana murid dapat menterjemahkan pengetahuan yang telah dipelajari secara teori, menjana pemikiran dan keupayaan diri mereka. Hal ini akan menjadikan murid lebih fokus dalam setiap tugas projek yang perlu dibuat. PBP merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu untuk meningkatkan pencapaian dan memberi impak terhadap pembelajaran. Terdapat banyak kajian lepas yang telah membuktikan kelebihan PBP berbanding kaedah pembelajaran tradisional, antaranya memberi pendedahan kepada pelajar terhadap kemahiran berorganisasi dan pengurusan masa (Blank 1997; Dickinson *et. al.*, 1998), mewujudkan semangat kerja berpasukan (Mioduser & Betzer 2008), meningkatkan komitmen pelajar dalam melakukan tugas (Hairul Nizam & Baharuddin, 2012), meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir aras tinggi (Mohd Noramdzan, 2015), meningkatkan penguasaan kemahiran ICT dalam mencari maklumat (Mispuah, 2015) dan meningkatkan pencapaian akademik (Nichola Harmer & Alison Stokes, 2014).

Biarpun PBP mempunyai potensi positif terhadap pembelajaran, namun proses pelaksanaannya sangat dipengaruhi oleh faktor guru seperti efikasi sendiri guru. Menurut Bandura (1997) efikasi sendiri ditakrifkan sebagai kajian tentang kemampuan seseorang untuk mengurus dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai prestasi yang telah ditentukan. Bandura (1997) juga menyatakan bahawa efikasi sendiri adalah keyakinan seseorang terhadap kemampuannya untuk mengurus dan melakukan sesuatu dalam mencapai tujuan tertentu. Penguasaan efikasi sendiri guru RBT akan meningkatkan keyakinan mereka dalam menerapkan kaedah baru PBP dalam aktiviti pengajaran RBT. Keyakinan guru RBT terhadap kemampuan sendiri mampu membantu mereka dari aspek kawalan kelas sehingga memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid. Menurut Mohd, Nawawi and Ismail (2017), tahap efikasi sendiri yang tinggi menunjukkan bahawa guru yakin



dengan kebolehan mereka untuk mengajar dan meningkatkan prestasi pelajar di sekolah.

Efikasi-kendiri berkemungkinan dipengaruhi oleh sikap guru terhadap pengajaran matapelajaran RBT. Sikap adalah bagaimana seseorang meletakkan diri mereka terhadap sesuatu, berfikiran terhadap sesuatu perkara dan akhirnya membentuk tingkah laku atau disebut juga sebagai proses psikologi (Syed Hussain, & Abd. Muttalib, 2016). Abdul Ghani Azmi (2019) menggambarkan sikap sebagai proses mental, yang merupakan pemikiran, perasaan atau reaksi terhadap objek, aspek atau situasi tertentu. Secara umumnya sikap ialah tingkah laku, perangai dan akhlak seseorang. Sikap guru yang positif atau negatif berpotensi mempengaruhi kejayaan pelaksanaan PBP dalam pengajaran RBT. Hal ini kerana sikap akan mempengaruhi kesediaan dan motivasi guru untuk mengajar serta menentukan tahap kejayaan PBP dalam RBT.

Menurut Ismail dan Suriana (2012), guru perlu bersiap sedia untuk menghadapi sebarang masalah dalam proses pengajaran dengan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan tahap kesedaran emosi dan sosial yang tinggi. Kesedaran sosial yang lebih tinggi dapat membantu pelajar memahami sesuatu konsep dengan mudah, sementara guru sebaliknya menyukarkan pelajar memahami sesuatu konsep. Hal ini turut diakui oleh Mohd Nor Hanim (2002) yang menyatakan bahawa antara kekurangan yang mempengaruhi keputusan penilaian pelajar di sekolah menengah dalam mata pelajaran KHB ialah faktor sikap guru yang tidak kreatif menjalankan aktiviti pengajaran membuatkan pelajar bosan dengan mata pelajaran tersebut sehingga membawa kepada kegagalan pencapaian objektif pengajaran.

Faktor guru yang bermotivasi turut menyumbang kepada kejayaan PBP dalam pengajaran matapelajaran RBT. Menurut Mohd Azhar (2004) dalam Habibah Shuib (2010), motivasi adalah keadaan di mana seseorang individu atau kumpulan berusaha untuk memberi inspirasi kepada tingkah laku atau dorongan yang bertujuan untuk mencapai tujuan dan insentif tertentu. Oleh itu, manusia akan termotivasi

untuk menjadi lebih kreatif ketika dimotivasi oleh minat, kepuasan, dan cabaran dari situasi tertentu.

Dalam aktiviti pengajaran, motivasi guru amat penting sama ada secara dalaman bagi memenuhi kepuasan diri atau luaran untuk memenuhi arahan pihak pentadbir dan sebagainya untuk memastikan kejayaan pengajaran dan pembelajaran. Mohd. Said, Mohd. Rizal, Mohd. Taha dan Rehan (2010) percaya bahawa ada pengaruh dalaman atau kekuatan pendorong, iaitu, seseorang sanggup menyelesaikan sesuatu tugas kerana tugas itu sendiri membuatnya merasa menarik dan memuaskan. Hal ini memberikan motivasi untuk guru menghadapi cabaran, perubahan serta berkeaktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran RBT. Penyelidik terdahulu telah melakukan banyak kajian yang berkaitan dengan efikasi sendiri guru di sekolah tempatan mahupun luar negara. Walau bagaimanapun, penyelidik terdahulu masih terlepas beberapa aspek dalam kajian mereka. Justeru, kajian ini ingin melihat hubungan antara sikap dan motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri guru RBT dalam pelaksanaan PBP. Kajian ini dilihat penting dan berupaya memberi sumbangan yang bermanfaat dalam meningkatkan keberkesanan matapelajaran RBT di sekolah.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi sememangnya berkait rapat dengan kaedah pengajaran Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). PBP adalah kaedah pengajaran abad ke-21 yang menekankan pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui disiplin ilmu jangka panjang, aktiviti berpusatkan pelajar dan pengalaman pembelajaran berdasarkan tugas yang digabungkan dengan masalah semasa dan amalan harian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Secara umumnya, kaedah PBP merupakan satu kaedah pengajaran yang berbentuk projek yang menjadi platform murid memperoleh ilmu. Kaedah PBP berpusatkan pelajar, memerlukan sedikit masa untuk menyelesaikan sesuatu projek, merentas kurikulum dan melibatkan pelbagai kemahiran dan kecerdasan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Menurut Siti Nazurana (2012), kaedah pembelajaran berasaskan projek yang diasaskan oleh John Doney pada tahun 1997 menggalakkan murid mempelajari sesuatu melalui pengalaman, pemerhatian dan percubaan. Murid merasa seronok untuk menjalankan ujikaji aktiviti lain yang dilakukan dalam situasi sebenar dan bermakna (Siti Nazurana, 2012). Kebiasaannya kaedah ini memberi peluang kepada murid untuk menggunakan kemudahan deria mereka untuk membuat pengamatan dan penangapan secara berkesan. Hal ini akan memberi peluang kepada murid untuk memahami sesuatu perkara dengan mendalam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Kaedah PBP ini adalah berasaskan kepada pendekatan teori pembelajaran konstruktivis oleh Piaget (1953), Vygotsky (1962) dan Bandura (1977), pembelajaran melalui pengalaman oleh Dewey (1938) dan teori konstruktivisme oleh Papert (1980). Dalam kaedah ini, pelajar dapat memilih topik secara bebas untuk membuat projek berdasarkan soalan atau topik yang diberikan oleh guru. Kemudian, pelajar akan mengumpulkan semua maklumat dan bahan yang berkaitan dengan projek tersebut melalui percambahan idea dengan rakan dan guru, melayari Internet, membaca dan memerhatikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009; Smith & Gibson, 2016). Oleh itu, penglibatan pelajar dalam bidang pengajian adalah pelbagai dan luas. Sebenarnya, kaedah ini juga dapat meluaskan pemikiran pelajar dan memberi mereka peluang untuk memperoleh pengalaman yang lebih luas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; Bland, 2020). Menggunakan kaedah ini biasanya produk dibuat pada akhir pembelajaran dan pelajar juga dapat menunjukkan apa yang telah mereka pelajari melalui demonstrasi (Nitce Isa Medina & Mai Shihah, 2013).

Menurut Roslina dan Zanaton (2017), kaedah PBP ini mempersiapkan murid untuk sentiasa bersedia mendepani masalah berkaitan dunia sebenar melalui penghasilan produk sebagai artifak pembelajaran. Proses dalam penghasilan artifak memerlukan pelajar menyelidik, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mereka cipta. Kemahiran-kemahiran ini dapat dilihat dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Namun, kurang kajian dilakukan bagi melihat pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi ini terutamanya di peringkat

sekolah rendah. Dalam kajian Monica dan Zamri (2020), kajian-kajian lepas menunjukkan PBP dalam pendidikan Bahasa Melayu oleh Sharifah Faizah dan Sharifah Nor (2011); Syakirah (2011); dan Alizah (2015). Sementara itu, dalam kajian Roslina *et al.* (2017) pula melaporkan bahawa kajian-kajian lepas berkenaan PBP menjurus kepada mata pelajaran Sains seperti kajian Sema *et al.* (2009) dan Lou *et al.* (2011).

Dalam sistem pendidikan, guru memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan dan kemenjadian murid. Aspek kepercayaan dan pertimbangan guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran yang dikenali sebagai efikasi guru (Bandura, 1997) adalah penting bagi memastikan pengajaran yang dilaksanakan berkesan. Tschannen-Moran dan Hoy (2001) mendefinisikan efikasi sendiri guru sebagai kemampuan guru untuk mempertimbangkan kemampuannya untuk mencapai hasil yang diharapkan dalam penyertaan dan pembelajaran pelajar, walaupun sebilangan pelajar menghadapi kesukaran dan kurang motivasi.

Terdapat tiga konstruk dalam efikasi sendiri guru iaitu strategi pengajaran, pengurusan kelas dan penglibatan pelajar adalah penting untuk membantu meningkatkan kemahiran pengajaran guru (Gibbs & Powell, 2011). Menurut Mohammad Haafiz (2015), guru perlu mempunyai keyakinan untuk mengawal bilik darjah dan memilih strategi pengajaran yang memberi kesan terhadap kepelbagaian aras pelajar. Namun, efikasi sendiri yang rendah dan tidak dapat memberikan tumpuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran boleh mengakibatkan kompetensi pengajaran menjadi lemah (Bity Salwana, Ahmad Basri, Ramlee & Mohammed Sani, 2007). Apabila guru bekerja keras untuk melaksanakan inovasi seperti PBP, kadangkala guru kesukaran dan cabaran yang boleh menghalang kejayaan pelaksanaannya (Thomas, 2000). Apabila guru mendapati bahawa mereka kurang pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan PBP, kebanyakannya beralih kepada amalan yang lebih biasa dan selesa iaitu secara tradisional (Lam, Cheng & Choy, 2010). Namun, kajian berkaitan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBP dalam konteks negara Malaysia masih kurang. Oleh itu, kajian ini ingin melihat efikasi

kendiri guru dalam melaksanakan PBP dalam konteks guru tempatan khususnya di daerah Kluang.

Rasa efikasi sendiri guru dapat digunakan untuk menghasilkan bentuk tingkah laku pengajaran yang berkesan, yang seterusnya mendorong prestasi tinggi pelajar (Norita, 2012). Guru dengan efikasi sendiri yang tinggi akan dapat mengatasi semua kesukaran dan masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran, dan mengikut keperluan dan kehendak terkini (Azwan, Abdul Ghani, Mohammad Zohir & Abd. Rahman, 2005). Hal ini sangat berbeza dengan guru yang tidak berefikasi, yang biasanya cuba mengelakkan diri daripada menghadapi tugas mengajar yang baru atau sukar (Azwan Ahmad *et al.*, 2005).

Banyak kajian yang telah dijalankan yang menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah tinggi (Khalid Johari, 2012; Mohd Yusri Ibrahim, 2012; Khalid Johari, Zurida Ismail, Shukri Osman dan Ahmad Tajuddin Othman, 2009; Zaidatul Akmaliah Lope Pihie *et al.*, 2005; Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007; Maguire, 2011 & Sandoval, 2010). Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan perbezaan iaitu dapatan kajian yang berlawanan. Contohnya kajian oleh OECD TALIS (2009), Ishak Sin (2001) dan Hipp (1996) menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah pada tahap sederhana. Terdapat beberapa pemboleh ubah yang boleh dikaitkan dengan efikasi sendiri guru seperti sikap dan motivasi intrinsik guru.

Salah satu pembaharuan yang sedang berlaku di Malaysia adalah pengenalan kaedah pembelajaran abad ke-21, seperti kaedah pembelajaran berasaskan projek (Lai, Tai dan Omar, 2019). Perubahan ini memerlukan guru mempunyai sikap positif dan berterusan agar berjaya. Azwar (2010) mendefinisikan sikap sebagai pendapat dan perasaan kita, yang dipengaruhi oleh ingatan kita tentang masa lalu, apa yang kita ketahui, dan kesan yang kita alami hari ini. Namun, perubahan kaedah pengajaran abad ke-21 seperti PBP masih perlu dilihat dan dikaji bagi memastikan objektif mata pelajaran RBT dan Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dicapai. Proses transformasi pendidikan yang membawa perubahan dalam dunia pendidikan menyebabkan kewujudan pelbagai sikap yang sangat berbeza dalam kalangan guru

(Mohd Aizat, Mohd Faizal, Mohamad Ekhwan, Mohd Mastifino, 2018). Namun, perkara seperti latihan serta pemahaman terhadap pentingnya perubahan perlu difahami oleh guru-guru sekolah bagi meningkatkan sikap guru terhadap perubahan (Mohd Aizat *et al.*, 2018). Menurut Erwin dan Garman (2010), keengganan individu telah dikenal pasti menjadi punca kegagalan pelaksanaan perubahan. Guru sering didapati bermasalah dari aspek kesediaan-sikap (Toprak dan Summak, 2014). Berdasarkan kajian Tai pada tahun 2017 pula menunjukkan masih terdapat banyak guru tidak mempunyai sikap yang tinggi guru terhadap perubahan (SGTP).

Menurut Zulkifli dan Raja Maznah (1994) dalam kajian Melvina Chung Hui Ching dan Jamaludin Badusah (2010) mendapati bahawa sikap guru yang positif adalah penting untuk mendorong seseorang pelajar bagi mempelajari sesuatu subjek. Menurut Tuan (2006), seorang guru yang cemerlang adalah seorang guru yang mempunyai sikap positif terhadap pengajaran, memahami subjek teras pengkhususannya, dan mempunyai keyakinan dalam mengajar. Sebaliknya, kekurangan pengetahuan guru dan tahap kemahiran mengajar yang rendah akan menjadikan guru bersikap negatif dan kurang yakin untuk mengajar. (Syed Jaafar, 2014). Dalam RBT, guru boleh menerima perubahan namun untuk melaksanakannya agak sukar dengan kekangan ilmu, kemahiran, kemudahan peralatan dan persekitaran. Ini disokong oleh kajian Tai dan Omar (2014) bahawa guru yang mempunyai sikap tidak suka akan perubahan disebabkan perubahan yang dilakukan akan mengganggu kebiasaan dan rutin harian serta autonomi mereka akan berkurangan.

Banyak kajian lepas daripada luar negara melaporkan bahawa terdapat hubungan antara sikap dan efikasi sendiri guru (Tiza, Sulfani, Frieda & Pratiwi, 2017; Fellianti & Husna, 2017; Osman Özokcu, 2017; Ghaith, Yaghi, 1997; Guskey, 1988; Omur & Ramazan, 2019; Hong, Chai, Tan, Hasbee & Ting., 2014; serta Masitah, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman, Ramli Basri & Noriati, 2013). Perubahan dalam sikap guru ke arah yang lebih baik dan positif turut dikenal pasti sebagai antara faktor yang mempengaruhi efikasi-kendiri guru. Menurut Sazali *et al.* (2002), sikap membentuk keyakinan peribadi dari aspek kognitif yang menggambarkan pemikiran guru dan keyakinan afektif yang menggambarkan emosi guru. Justeru, sikap amat mempengaruhi efikasi sendiri guru kerana sikap menggambarkan

kemampuan guru dalam menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun kebanyakan kajian-kajian ini melihat hubungan sikap dan efikasi sendiri guru secara umum (Tiza, Sulfani, Frieda & Pratiwi, 2017; Fellianti & Husna, 2017; Osman Özokcu, 2017; Ghaith, Yaghi, 1997; Guskey, 1988; Omur & Ramazan, 2019) dan hubungan sikap dan efikasi sendiri guru dalam penggunaan komputer (Hong, Chai, Tan, Hasbee, Ting., 2014) serta hubungan sikap dan efikasi sendiri guru dalam pengajaran alam sekitar (Masitah, Azizi, Ahmad Makmom, Bahaman, Ramli & Noriati, 2013).

Selain sikap dan efikasi sendiri guru, motivasi guru turut menjadi penyumbang kepada kelancaran dan kejayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menurut Habibah Shuib (2010), motivasi mendorong dan mengarahkan tingkah laku seseorang dengan cara negatif atau positif. Motivasi kerja adalah sejenis rangsangan yang dapat merangsang dan mengekalkan minat guru untuk mencapai tujuan tertentu, seperti mengubah minat, sikap dan tingkah lakunya (Md Adam, 2012). Woodfolk (1990) percaya bahawa motivasi adalah kekuatan dalaman yang membangkitkan, membimbing dan mengawal minat dan tingkah laku peribadi. Banyak kajian telah dilakukan dan menunjukkan hasil dapatan bahawa orang yang bermotivasi secara intrinsik lebih tahan lama dan lebih berjaya dalam jangka masa yang lebih lama (Brown, 2000).

Motivasi intrinsik didefinisikan sebagai aktiviti yang dijalankan untuk mendapatkan kepuasan semula jadi yang ada pada diri. Apabila seseorang individu bermotivasi secara intrinsik, individu tersebut bersedia untuk bertindak atau memerlukan cabaran yang lebih baik daripada faktor luaran seperti tekanan dan ganjaran (Ryan & Deci, 2000). Menurut Mohd Said *et al* (2010), faktor intrinsik paling berkesan dalam memberi motivasi kepada para pendidik atau guru yang sentiasa menitikberatkan kualiti dalam pengajaran supaya dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran yang dipelajari melalui kreativiti guru dalam penyampaiannya.

Motivasi intrinsik yang terdiri daripada gembira melihat pelajar berjaya, amanah, pahala dan balasan akhirat, minat mengajar, iman dan ikhlas, kepuasan

bekerja dan merasa seronok menjadi guru, murid beramal dan berakhlak, dakwah dan jihad, kebiasaan dan pengalaman serta mencapai target dan pengiktirafan merupakan antara faktor-faktor kecemerlangan guru (Kamarul Azmi, Nur Syazwani, Ab Halim & Mohd Izham, 2011). Motivasi intrinsik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas secara langsung dan tidak langsung dapat dipupuk melalui pelaksanaan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Kaviza, 2020).

Dalam Teori Penentuan Kendiri oleh Edward L. Deci dan Richard M. Ryan (1985), terdapat 3 komponen yang menjadi asas kepada motivasi iaitu autonomi, kompetensi dan hubungan interpersonal. Dalam pelaksanaan PBP, aspek kompetensi guru menjadi faktor guru kurang motivasi dalam pelaksanaan PBP sehingga memilih aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Guru merasakan kurang yakin dengan kemahiran yang dimiliki untuk melaksanakan PBP dalam RBT (Azizi, 2007). Selain itu, guru juga kurang mendapat sokongan dan bimbingan daripada pihak pentadbir sekolah seperti guru besar. Menurut Md Adam (2012), pengurusan yang berkesan tidak berjaya ditonjolkan oleh guru besar dalam memotivasikan guru bagi menambah kecekapan mereka untuk menyampaikan idea dan maklumat dari pelbagai sumber luar kepada guru dan juga membimbing guru dari aspek perkembangan profesional. Maslow (1943) dalam Amatan & Han (2019) menyatakan bahawa motivasi dalam diri seseorang mampu meningkatkan kemampuan diri, kemahuan meneroka benda baharu, menggunakan kelebihan diri secara maksimum dan mencabar diri bagi melaksanakan sesuatu. Justeru, persekitaran sekolah yang terdiri daripada pihak pentadbir, rakan-rakan guru, murid-murid yang baik sepatutnya mampu memuaskan keperluan guru selaras dengan Hierarki Keperluan Maslow. Namun, kebanyakan kajian adalah melihat faktor motivasi dalam kalangan murid (Md. Baharuddin, 2015; Romainah Ibrahim & Faridah Mydin Kutty, 2016; Kaviza, M.,2020) dan hubungan gaya kepimpinan dan motivasi intrinsik guru (Norhannan Ramli, 2006; Md. Adam Rohani, 2012). Kurang kajian yang melihat hubungan antara motivasi intrinsik dan efikasi sendiri guru terutama pelaksanaan kaedah PBP dalam RBT.



Faktor sikap dan motivasi intrinsik guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) itu sendiri dilihat menjadi penyumbang kepada efikasi sendiri guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin mengkaji hubungan antara sikap dan motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri guru RBT dalam pelaksanaan PBP bagi memastikan kaedah PBP dapat digunakan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran RBT kelak.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Bagi memenuhi kehendak negara dan keperluan manusia pada masa kini melalui penghasilan produk, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam RBT boleh ditambah baik supaya menjadi lebih berhasil dengan cara gabung jalin kemahiran reka bentuk dan teknologi dengan kemahiran berfikir secara kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dalam perkembangan abad ke-21, selain daripada pengguna teknologi yang berpengetahuan, murid juga merupakan pencipta produk dan pencetus idea baharu. Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dalam RBT membolehkan murid untuk mengalami pembelajaran dalam kehidupan sebenar dan murid mampu untuk berinteraksi bersama orang lain, persekitaran mereka dan memupuk semangat ingin tahu, dan melatih murid supaya tidak hanya menjadi murid yang pasif (Siti Zulaiha, 2016).

Namun, pelaksanaan PBP secara berkesan dalam RBT kurang digunakan kerana kebanyakan guru kurang mempelbagaikan pendekatan dan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah (Mohd Azli, 2012). Rahman, Jamaludin dan Zamri (2015) dan Rajendran (2001) dalam Norazlin dan Siti Rahaimah (2019), mendapati guru lebih kepada usaha untuk mencapai objektif pengajarannya dan menghabiskan sukatan pelajaran semasa pengajarannya. Dapatan ini disokong oleh Norliza, Shaffe dan Rosnaini, (2010) yang menyatakan bahawa guru-guru di Malaysia memilih dua kaedah pengajaran yang utama iaitu pengajaran berasaskan syarahan dan pengajaran berpusatkan guru. Dua kaedah ini tidak membabitkan pelajar secara aktif kerana hanya menggalakkan hafalan, bukannya pemahaman yang mendalam. Pelajar kurang

didedahkan dengan kemahiran generik dalam pendekatan konvensional ini sedangkan kemahiran ini merupakan satu keperluan dalam menghasilkan individu yang berupaya menghadapi cabaran dunia sebenar (Siti Zulaiha, 2016).

Pelbagai alat berfikir dan teknik penyolaan aras tinggi serta kaedah pedagogi yang bersesuaian perlu digunakan bagi menghasilkan PdP KBAT yang efektif. Oleh itu, antara kaedah pedagogi yang dikatakan sesuai untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran adalah PBP kerana dipercayai boleh menyokong penerapan KBAT dalam kalangan pelajar (Siti Zulaiha, 2016). Namun, dalam kajian Azizi (2007) melaporkan bahawa terdapat kumpulan guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri rendah disebabkan faktor tidak mempunyai kemahiran untuk mengajar mengikut topik-topik tertentu dan juga terdiri daripada guru yang bukan bidang Teknik dan Vokasional. Hal ini boleh dilihat dari segi sikap dan motivasi intrinsik guru dalam melaksanakan PBP. Sedangkan menurut Kementerian Pendidikan Malaysia dalam TIMSS 2019, kemahiran pedagogi abad ke-21 merupakan salah satu ciri guru dalam pendidikan abad ke-21 (Shanti & Abdul Said, 2019). Guru menghadapi masalah sikap yang tidak mempunyai keyakinan untuk mengajar antara faktornya adalah disebabkan mempunyai sikap yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sistem pendidikan (Wan Nur Izzati, 2011) seperti mata pelajaran RBT yang baru diperkenalkan dan kaedah pengajaran PBP. Masalah motivasi pula melibatkan guru merasakan diri kurang kompetensi kerana kurang yakin dengan kemahiran yang dimiliki untuk mengajar RBT (Azizi, 2007).

Kajian-kajian lepas berkaitan PBP tidak melihat secara khusus dalam mata pelajaran RBT tetapi lebih kepada mata pelajaran Sains dan Matematik (Roslina *et al.*, 2017; Nor Khayati, Mohd Isa & Khadijah, 2017; Pau, 2009), serta bahasa (Noor Miza, 2015; Alizah, 2015; Monica & Zamri, 2020). Kajian ini juga banyak dilakukan diperingkat sekolah menengah (Mohd Azli & Abdul Latif, 2015; Faridah, Ramlah & Norhasbiah, 2015) dan pengajian tinggi (Nasir Hasan, 2014; Wan Hafiidzull, Che Ghani & Arman Shah, 2020). Oleh itu, kajian perlu dilakukan bagi melihat pelaksanaan PBP dalam RBT sekolah rendah dari aspek sikap dan motivasi guru terhadap efikasi sendiri guru.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dijalankan bermula pada tahun 2017 adalah bagi mengimbangi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 2011 dalam menyediakan murid kepada kemahiran yang diperlukan pada peringkat global bagi mengimbangi set ilmu pengetahuan dan kemahiran berfikir seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Setiap topik yang terkandung dalam RBT memerlukan murid mereka cipta suatu produk berdasarkan suatu situasi permasalahan untuk tempoh masa tertentu seperti mana dalam PBP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Sekiranya guru benar-benar menggunakan pendekatan PBP ini, sepatutnya penguasaan murid bertambah baik dan mereka mampu memperoleh pencapaian yang diimpikan dalam RBT (Siti Zulaiha, 2016). Kajian ini penting untuk sekolah rendah bagi melihat pelaksanaan kaedah PBP dalam RBT sekolah rendah yang dapat menjawab persoalan kajian dan menyumbang kepada penambahbaikan sistem pendidikan Malaysia terutamanya di peringkat sekolah rendah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap sikap terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti tahap motivasi intrinsik terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.
- iii. Mengenal pasti tahap efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.
- iv. Menentukan hubungan antara sikap dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.
- v. Menentukan hubungan antara motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.

- vi. Menentukan pengaruh sikap dan motivasi intrinsik terhadap efikasi sendiri bagi melaksanakan kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian bagi menjawab objektif kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap sikap terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?
- ii. Apakah tahap motivasi intrinsik terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?
- iii. Apakah tahap efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara sikap dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?
- v. Adakah terdapat hubungan antara motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?
- vi. Adakah sikap dan motivasi intrinsik mempengaruhi efikasi sendiri bagi melaksanakan kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis nol bagi kajian ini ialah seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.


Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.

Ho3: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap dan motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri terhadap kaedah PBP dalam kalangan guru RBT sekolah rendah.

## **1.7 Kerangka Teori**

Kerangka teori ialah satu bentuk susunan yang sistematik mengenai idea-idea yang berkaitan dengan fenomena yang sedang dikaji atau satu bentuk penerangan yang tersusun tentang kaitan antara beberapa pemboleh ubah (Wannbrod, 1986). Kerangka teori menjadi salah satu cara bagi menumpukan reka bentuk kajian dan prosedur menganalisis data serta memberikan struktur dan makna kepada interpretasi kajian. Menurut Eisenhart (1991) pula kerangka teori ialah satu struktur yang memandu penyelidikan. Kerangka teori penting kerana menjadi petunjuk bagi menjalankan penyelidikan dalam menentukan terma yang sesuai dengan konsep, definisi pemboleh ubah, soalan-soalan khusus yang hendak dikaji, pemilihan responden kajian, prosedur pemilihan, rancangan pengumpulan data, cara menganalisis dan interpretasi hasil dapatan kajian.

Bagi menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini, tiga teori digunakan sebagai asas iaitu Teori Model Sikap ABC, Teori Penentuan Kendiri dan Teori Efikasi Kendiri Bandura. Kerangka teori bagi kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan Teori Efikasi Kendiri Bandura (1977) bagi menjelaskan pemboleh ubah efikasi sendiri. Istilah "efikasi sendiri" pertama kali dicadangkan oleh ahli psikologi Kanada-Amerika dan profesor Universiti Stanford, Albert Bandura. Bandura (1997) berpendapat dalam "*Self-Efficacy: Exercises of Control*" bahawa orang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dapat melaksanakan tugas di bawah tekanan dan tekanan. Walau bagaimanapun, tugas yang semakin mencabar memerlukan usaha yang meningkat. Kesukaran di tempat kerja dilihat sebagai cabaran, bukan sebagai halangan kejayaannya. Kesukaran berpunca dari sikap kepuasan diri individu yang sangat cekap dalam mencapai matlamat (Bandura, 1997). Prinsip asas teori keberkesanan diri ialah pencapaian dan motivasi peribadi ditentukan oleh kepercayaan diri (Bandura, 1982). Bandura menekankan bahawa kognisi memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan diri, pengaturan diri, maklumat dan membentuk tingkah laku individu (Pajeras, 2002).

Harapan efikasi sendiri yang dibentuk oleh teori kognitif sosial mempengaruhi empat sumber utama interaksi semula jadi dengan manusia. Menurut Bandura (1997) sumber-sumber tersebut adalah penguasaan pengalaman (*Mastery Experiences*), pujukan sosial (*Social Persuasion*), pengalaman vikarius (*Vicarious Experience*) serta keadaan fisiologi (*Physiological State*).

Dalam kajian ini, efikasi sendiri guru merujuk kepada efikasi sendiri guru RBT dalam melaksanakan pendekatan PBP. Efikasi sendiri guru sangat penting dalam memastikan efikasi kolektif. Sekiranya seorang guru gagal memiliki efikasi sendiri individu, maka efikasi kolektif sukar dicapai dalam organisasi. Dalam Teori Efikasi Kendiri Bandura, terdapat tiga aspek yang melibatkan efikasi sendiri guru iaitu aspek penglibatan murid, aspek strategi pengajaran dan aspek pengurusan bilik darjah. Kajian ini memfokuskan efikasi sendiri guru dalam strategi pengajaran iaitu penggunaan pendekatan PBP dalam pengajaran dan pembelajaran RBT.



Rajah 1.2 Kerangka Teori Efikasi Kendiri guru

Menurut Bandura (1977, 1982, 1986), ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Kegiatan persekitaran dan sosial berinteraksi dengan tingkah laku manusia melalui mekanisme psikologi diri (Nurulakhma, Harun & Mohd Isa, 2017).

Bagi melihat hubungan sikap dan efikasi sendiri, kajian ini menggunakan kerangka Teori Model Sikap ABC Ostrom (1969) dari domain psikologi sosial, yang mendefinisikan sikap kepada tiga komponen iaitu *Affective* (Perasaan), *Behaviour* (Tingkah Laku) dan *Cognition* (Pengetahuan). Thomas Marshall Ostrom ialah seorang psikologi yang membantu mengembangkan kajian psikologi sosial. Ostrom terkenal kerana teorinya telah mengembangkan teori dan metodologi sikap.

Secara amnya, sikap dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu, *Affective* yang berhubung kait dengan emosi dan perasaan, *Behavioral* pula berkaitan dengan tingkah laku ataupun tindak balas terhadap sasaran atau objek dan *Cognitive* pula merujuk kepada kepercayaan (Eagly & Chaiken, 1998). Man (1972) pula menyatakan komponen *affective* merujuk kepada perasaan individu terhadap suatu perkara. Dalam kajian ini, merujuk kepada perasaan guru terhadap pendekatan PBP dalam pengajaran mata pelajaran RBT. Aspek emosi dan perasaan dalam sikap ini merupakan komponen paling asas dan ia mudah terdedah kepada perubahan.

Seterusnya, Man (1972) menyatakan lagi bahawa komponen *behavioural* pula merujuk kepada kecenderungan untuk bertingkah laku atau bertindak balas terhadap objek atau sasaran dalam pelbagai cara. Dalam kajian ini, melihat bagaimana guru bertingkah laku terhadap perubahan pendekatan pengajaran yang baru iaitu PBP dalam mata pelajaran RBT. Komponen terakhir dalam sikap ialah berkaitan dengan *cognitive* yang berkaitan dengan persepsi individu, kepercayaan atau pengetahuan berkenaan dengan suatu perkara itu. Dalam kajian ini, sikap guru dari aspek *cognitive* adalah tahap pengetahuan guru untuk melaksanakan pendekatan PBP dalam RBT.

Selain sikap, kajian ini juga turut melihat hubungan antara efikasi sendiri guru dalam melaksanakan PBP dengan motivasi intrinsik guru menggunakan Teori Penentuan Kendiri yang diasaskan oleh Edward L. Deci dan Richard M. Ryan (1985). Menurut teori ini, motivasi terbahagi kepada dua komponen, iaitu motivasi luaran (ekstrinsik) dan motivasi dalaman (intrinsik). Motivasi ekstrinsik merujuk kepada motivasi yang disebabkan oleh penghargaan, memperoleh pulangan ekstrinsik, dan kejayaan. Motivasi intrinsik didefinisikan sebagai aktiviti yang dilakukan untuk mendapatkan kepuasan semula jadi yang ada pada diri. Apabila seseorang bermotivasi secara intrinsik, seseorang itu bersedia untuk bertindak atau memerlukan cabaran yang lebih baik daripada faktor luaran seperti tekanan dan penghargaan (Ryan & Deci, 2000). Walau bagaimanapun, motivasi intrinsik wujud dalam hubungan antara individu dan aktiviti yang mereka lakukan melalui individu lain. Pada masa yang sama, motivasi intrinsik tidak semestinya wujud dalam aktiviti dan tugas yang sama (Ryan & Deci, 2000).




Motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik adalah penentu tingkah laku manusia yang sangat berpengaruh, dan keduanya mendorong manusia untuk memenuhi tiga keperluan asas yang dinyatakan dalam model teori ini iaitu autonomi, kompetensi dan hubungan. Dalam aspek autonomi, manusia perlu merasakan bahawa mereka adalah penentu takdir mereka sendiri, dan sekurang-kurangnya mempunyai kawalan terhadap kehidupan mereka sendiri; yang paling penting, manusia perlu merasakan bahawa mereka mengawal tingkah laku mereka (Deci & Ryan, 1985). Aspek kompetensi merujuk kepada kemampuan untuk menerapkan kemahiran yang ada pada aktiviti yang ingin dilibatkannya (Lily Hanefarezan, Maimun Aqasha, Ahinida dan Musab, 2018). Sekiranya seseorang mempunyai kemampuan yang tinggi untuk aktiviti tertentu, maka orang tersebut akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk melakukannya. Sementara itu, aspek hubungan (juga dikenali sebagai hubungan interpersonal) menjelaskan bahawa manusia memerlukan rasa kekitaan dan hubungan dengan orang lain; setiap orang memerlukan orang lain pada tahap tertentu (Deci & Ryan, 2008; Kaviza, 2020).

Dalam kajian ini, konsep motivasi dilihat daripada aspek motivasi guru untuk melakukan kerja iaitu pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah PBP. Motivasi kerja adalah sejenis rangsangan yang dapat merangsang dan mengekalkan minat guru untuk mencapai tujuan tertentu, seperti mengubah minat, sikap dan tingkah lakunya (Md Adam, 2012). Woodfolk (1990) percaya bahawa motivasi intrinsik merujuk kepada kekuatan intrinsik yang dapat merangsang, membimbing dan mengawal minat dan tingkah laku peribadi.

## **1.8 Kerangka Konsep**

Kerangka konseptual merupakan kunci kepada hubung kait antara pemboleh ubah iaitu sikap dan motivasi intrinsik guru dengan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan PBP dalam mata pelajaran RBT sekolah rendah. Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan PBP bagi mata pelajaran RBT sekolah rendah.



Rajah 1.3 Kerangka Konsep Kajian

Dalam kajian ini, pemboleh ubah yang ingin dikaji ialah sikap dan motivasi intrinsik sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala, pemboleh ubah bersandar ialah efikasi sendiri guru.

Secara konseptual, PBP adalah kaedah pengajaran yang mengutamakan projek dalam pengajaran melalui pengeluaran produk, pembelajaran koperatif, dan teknologi "*hands-on*" (Kaldi *et al.*, 2011). Melalui PBP, pelajar biasanya mempunyai lebih banyak autonomi terhadap apa yang mereka pelajari (Loi, 2017; Yuliani dan Sri Lengkanawati, 2017). Dengan lebih banyak autonomi, pelajar dapat membentuk projek mereka mengikut minat dan kemampuan mereka sendiri (Mousund, 1988). PBP telah terbukti menjadi kaedah terbaik yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan impak pembelajaran (Mioduser & Betzer 2003).

Larmer and Mergendoller (2010) telah mengenal pasti tujuh elemen penting agar projek yang dijalankan menjadi lebih bermakna kepada murid. Elemen-elemen itu ialah signifikan dengan kurikulum dan bermakna kepada kehidupan murid, sesuai dengan minat murid, menimbulkan perasaan ingin tahu kepada murid serta murid dapat melihat kepentingan projek yang hendak dijalankan. Selain itu, soalan yang diberi hendaklah jelas, mencabar keupayaan murid. Bentuk soalan perlu terbuka, provokatif dan kompleks tetapi dikaitkan dengan kurikulum. Murid juga diberi peluang bersuara dan memilih termasuk reka bentuk projek. Akhir sekali, menggunakan kemahiran pembelajaran abad ke-21 akan menggalakkan penyiasatan

dan inovasi dengan memberi tumpuan kepada maklum balas, refleksi dan produk akhir.

Efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan seseorang terhadap kemampuannya untuk melaksanakan tingkah laku yang diperlukan untuk menghasilkan pencapaian prestasi tertentu (Bandura, 1977, 1986, 1997). Efikasi sendiri diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Schunk, 1991; Bandura, 1986; Jerusalem & Hesslig, 2009). Dalam kajian ini, efikasi sendiri dilihat dari aspek guru dalam melaksanakan pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT. Efikasi sendiri guru dalam kajian ini melihat tahap keyakinan yang dimiliki oleh seseorang guru untuk melaksanakan pengajaran PBP dalam mata pelajaran RBT dan pertimbangan seseorang guru itu terhadap kemampuannya menjalankan pendekatan PBP dengan baik (Awanis Mohd & Ainunmadiyah, 2016). Terdapat dua perkara yang dikaji berhubungan dengan efikasi sendiri guru iaitu sikap dan motivasi intrinsik.

Habib Mat Som (2005) bersetuju dalam penyelidikannya bahawa sikap akan memberi kesan yang besar terhadap keberkesanan dan kesediaan guru untuk melakukan perubahan dan mencapai tujuan pendidikan. Sikap menentukan sama ada guru akan menerima perubahan pendidikan yang akan datang. Zulkifli Mohamed (2009) bersetuju dengan pandangan ini, menegaskan bahawa sikap mempengaruhi cara seseorang berfikir dan berkelakuan mengenai persekitaran. Dia juga mentaksirkan sikap sebagai timbunan pengetahuan tentang perkara-perkara yang mempunyai kesan positif atau negatif terhadap tindakan. Kajian ini ingin melihat aspek sikap guru melalui tiga komponen utama, iaitu kognitif (idea dan kepercayaan), afektif (perasaan dan kecenderungan) dan tingkah laku (tindakan dan jawapan) (Khairuddin, 2011). Ketiga-tiga komponen ini mempengaruhi tahap kecenderungan tingkah laku atau sikap guru yang boleh dinilai melalui gerak balas dan tingkah laku atau sikap terhadap pengamatan sesuatu. Dalam kajian ini faktor sikap dan hubungannya dengan efikasi sendiri guru dalam pelaksanaan PBP bagi mata pelajaran RBT dikaji.

Menurut Kimble (1984), motivasi adalah suatu proses yang berlaku pada diri sendiri. Ia mewujudkan tujuan dan memberi tenaga untuk tingkah laku seseorang. Ini adalah motivasi seseorang untuk melakukan aktiviti tertentu untuk mencapai tujuan tertentu. Santrock (2008) menyatakan bahawa motivasi adalah sebab seseorang bertindak seperti itu. Tingkah laku motivasi adalah untuk menggerakkan, membimbing dan mengekalkan. Motivasi adalah kekuatan yang mendorong orang untuk mencapai tujuan mereka. Kajian ini memfokuskan motivasi intrinsik guru yang boleh mempengaruhi efikasi sendiri guru dalam pelaksanaan PBP bagi mata pelajaran RBT.

Tiga perkara utama bagi mewujudkan motivasi intrinsik guru iaitu kompetensi, autonomi dan rasa perhubungan dengan orang lain (Asbullah *et. al.*, 2018). Autonomi ialah kehendak guru untuk melakukan tindakan dan cara bagaimana ia dilakukan agar dapat meningkatkan motivasi untuk melaksanakan pengajaran RBT dengan menggunakan pendekatan PBP. Kompetensi pula merujuk kepada kemampuan guru untuk menggunakan kemahiran sedia ada terhadap aktiviti dalam pengajaran RBT berdasarkan pendekatan PBP. Sekiranya guru mempunyai kemampuan yang tinggi untuk aktiviti yang dijalankan, maka guru tersebut akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk melakukannya. Dan yang ketiga adalah rasa hubungan dengan orang lain, yang bermaksud bahawa guru mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan dengan pelajar, rakan dan orang lain di sekitar mereka, dan berperanan dalam kumpulan.

## **1.9 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT di sekolah rendah dengan kumpulan sasaran adalah guru mata pelajaran RBT Tahun 4,5 atau 6. Fokus dalam kajian ini adalah melihat hubungan sikap dan motivasi intrinsik guru dengan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pendekatan PBP bagi mata pelajaran RBT di sekolah rendah.

Kajian ini juga tertumpu kepada guru-guru sekolah rendah di daerah Kluang, Johor yang mengajar mata pelajaran RBT sahaja. Hal ini disebabkan faktor masa, geografi dan pergerakan yang membataskan pengkaji. Walau bagaimanapun, keputusan kajian tidak mungkin generalisasikan kepada semua sekolah rendah di Malaysia. Hal ini kerana faktor kemudahan bengkel, alatan dan bahan pengajaran di sekolah boleh mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pendekatan PBP.

Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya menggunakan kaedah kuantitatif dan satu instrumen kajian sahaja iaitu soal selidik. Hal ini bagi memudahkan untuk dikendalikan dan diedarkan kepada guru-guru RBT sekolah rendah di daerah Kluang, Johor. Ketepatan dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran responden dalam memberikan maklum balas terhadap kajian ini.

#### **1.10 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan sikap dan motivasi intrinsik guru dengan efikasi sendiri guru. Hasil kajian ini penting kerana diharapkan dapat menjelaskan persoalan kajian dan dapat melakukan beberapa tindakan susulan.

Hasil dapatan kajian ini penting kepada pihak guru RBT di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan dan rujukan guru-guru RBT dalam pengajaran dan pembelajaran RBT dengan menggunakan pendekatan PBP secara berkesan. Penambahbaikan boleh dilakukan oleh guru-guru dalam merancang aktiviti pengajaran yang sesuai dan menarik dalam RBT. Hasil dapatan kajian ini juga boleh dijadikan kayu ukur tahap efikasi sendiri guru, tahap sikap guru serta tahap motivasi intrinsik guru dalam pengajaran dan pembelajaran RBT. Hal ini boleh memberi peluang kepada guru untuk menambah ilmu dan kemahiran yang sesuai agar tahap efikasi sendiri guru, tahap sikap guru serta tahap motivasi intrinsik guru dalam pengajaran RBT dengan menggunakan pendekatan PBP dapat ditingkatkan dan pengajaran menjadi lebih berkesan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga penting kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi pendedahan maklumat tentang sikap, motivasi intrinsik guru dan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pendekatan PBP bagi mata pelajaran RBT di sekolah rendah. Dapatan ini juga boleh memberikan maklumat yang berguna kepada pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk merangka kurikulum RBT di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional juga dapat menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan keyakinan guru, menambah ilmu dan kemahiran guru untuk mengajar RBT dengan pendekatan PBP. Ini penting untuk memastikan bahawa guru lebih aktif, bermotivasi, dan mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Mengkaji kepentingan efikasi sendiri guru, sikap dan faktor motivasi intrinsik guru terhadap kaedah PBP diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak yang berkaitan serta memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pihak pentadbir dan guru mengenai pelaksanaan kaedah PBP melalui penganjuran kursus, bengkel, seminar dan kuliah. Melalui program sedemikian, diharapkan proses pengajaran yang dihasilkan dapat dijamin serta kelemahan dan kekurangan dalam proses pengajaran dapat diperbaiki (Jamaluddin & Zaidatun, 2003).

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada pengetahuan sedia ada berkenaan PBP khususnya dalam mata pelajaran RBT di sekolah rendah. Hal ini disebabkan kajian-kajian lepas lebih memfokuskan pendekatan PBP dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa serta melibatkan sekolah menengah serta peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat menambahkan pengetahuan pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT di peringkat sekolah rendah.

### **1.11 Definisi Istilah**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah kajian yang digunakan. Bagi memberi pengertian yang jelas dan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan,

di bawah dijelaskan empat definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.

### **1.11.1 Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)**

Pembelajaran berasaskan projek (PBP) adalah model pendidikan yang mengutamakan projek dalam aktiviti pengajaran (Veerasamy, 2010). Nation (2008), Beddoes (2010), Zimmerman (2010) dan Kaldi *et. al.* (2011) menyatakan bahawa PBP adalah kaedah pengajaran yang membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran dan memperoleh pengetahuan melalui projek, pembelajaran koperatif, dan teknik "hands-on".

Dalam kajian ini, pendekatan PBP merujuk kepada kaedah pengajaran yang berasaskan kepada aktiviti penghasilan projek dengan menggunakan alatan tangan, bahan serta kemahiran-kemahiran yang betul seperti mana dalam DSKP RBT bagi murid sekolah rendah.

### **1.11.2 Efikasi Kendiri**

Efikasi kendiri guru merujuk kepada kepercayaan guru terhadap kemampuan diri, iaitu, rangkaian tindakan yang diperlukan untuk mengatur dan melaksanakan tugas pengajaran dalam lingkungan tertentu (Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy & Hoy, 1998). Efikasi kendiri guru juga dapat dikaitkan dengan banyak tingkah laku dan sikap guru yang positif (Bandura, 1997; Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy & Hoy, 1998) serta prestasi dan sikap pelajar (Henson, 2002).

Dalam konteks kajian ini, efikasi kendiri guru bermaksud kepercayaan seseorang guru terhadap kebolehannya dalam melaksanakan pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT dengan memfokuskan hubungannya dengan sikap dan motivasi intrinsik. Efikasi kendiri guru ini akan diukur dengan menggunakan instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001). Instrumen ini mengandungi 3 subkonstruk iaitu strategi pengajaran, pengurusan kelas dan pencapaian murid.

### 1.11.3 Sikap

Sikap terbentuk hasil daripada pembelajaran dan pengalaman, yang berkembang dalam tempoh masa yang tertentu (Orue, 2011). Menurut Canbay dan Berecen (2012) pula, sikap guru memberi kesan kepada prestasi murid melalui sikap guru yang positif terhadap kaedah atau gaya pembelajaran tertentu akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan mudah difahami oleh murid disebabkan semangat yang ada pada diri guru. Menurut Ma'rof Redzuan (2011), sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi individu dalam memberi nilai terhadap sesuatu atau sebaliknya.

Dalam konteks kajian ini, sikap guru merujuk kepada kecenderungan guru terhadap pendekatan PBP sama ada secara positif atau negatif. Sikap guru terhadap pendekatan PBP terdiri daripada kognisi guru berkenaan PBP, tindak balas afektif terhadap PBP, dan kecenderungan tingkah laku terhadap PBP. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah, borang soal selidik yang dihasilkan hasil adaptasi kajian terdahulu iaitu kajian Hazlin (2016).

### 1.11.4 Motivasi Intrinsik

Menurut definisi Deci dan Ryan (1985), motivasi intrinsik ialah kecenderungan untuk melakukan sesuatu tugas kerana individu tersebut menyedari bahawa tugas tersebut mempunyai ciri-ciri yang menarik, mencabar, dan memuaskan. Sekiranya seseorang mempunyai tiga elemen berikut: kemampuan, autonomi, dan rasa hubungan dengan orang lain, suasana di sekitarnya akan menghasilkan motivasi dalaman. Oleh itu, jika mereka tidak dapat bertindak mengikut kehendak mereka sendiri, motivasi intrinsik mereka akan terkesan (Pintrich & Schunk, 1996).

Dalam konteks kajian ini, motivasi intrinsik guru terhadap pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT dilihat dari aspek autonomi, kompetensi dan hubungan guru dengan persekitaran. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik *The Intrinsic Motivation Inventory* (IMI) yang dibina oleh Deci dan Ryan (1985).



## **1.12 Rumusan**

Pelaksanaan pendekatan PBP dalam mata pelajaran RBT bagi sekolah rendah terutamanya diharapkan dapat mencapai objektif yang dikehendaki. Kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberi sumbangan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekiranya ia dilaksanakan secara sistematik, berfokus serta berpandukan strategi yang bersesuaian serta menepati kehendak kurikulum. Ciri-ciri yang terdapat dalam PBP boleh dilaksanakan oleh guru dengan sikap, motivasi intrinsik dan efikasi sendiri bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Diharapkan dapatan kajian yang diperolehi, boleh dijadikan panduan untuk guru-guru melaksanakan pendekatan PBP dalam pengajaran mengikut kesesuaian agar dapat melahirkan murid yang kreatif dan inovatif serta bersedia untuk ke sekolah menengah.

## RUJUKAN

- Ab Hakim, N. A., & Iksan, Z. (2018). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (Pbm) dalam Mata Pelajaran Sains. In Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2018) (pp. 72-82).
- Abd Hamid, Hariyanti, Maheran Baharum, dan Azizah Sarkowi. "Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Akademik Siswa Pendidik." *Jurnal IPDA* 26.1 (2020): 104-112.
- Abdul Ghani Azmi, I. (2019). Pengaruh Sikap Dan Demografi Ke Atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian Di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1-23.
- Abdullah, N., & Ali, A. (2019). Tahap Kesiediaan Guru Pelatih Reka Bentuk Dan Teknologi Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Reka Cipta . *Online Journal For Tvet Practitioners*, 2(1). Universiti Tun Hussein Onn : Malaysia
- Abdullah, R., Mohd Nor, M. Y., & Mansor, A. N. B. (2018). Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Efikasi Guru Di Sekolah Kebangsaan Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Abtholuddin, F. (2013). Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Abu Hassan, M. A., Rabbani, M. F., Mohamad Shukor, M. E., & Abdul Majid, M. M. (2018). Sikap Guru Terhadap Perubahan Dalam Sekolah Di Malaysia. *Management Research Journal*, 7, 188 - 196.
- Ali, S. K. S., Hassan, M. Z. C., & Jani, J. (2017). Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Amatan, M. A., & Han, C. G. K. (2019). Pengaruh Persekitaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran

- Abad ke-21. dalam *International Journal of Education, Psychology, and Counseling*, 4(32), 301-331.
- Amatan, M. A., & Han, C. G. K. (2020). Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21: Differences in Demographic Factors in Teacher Self-Efficacy and 21st Century Teaching and Learning Practices. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 18(1), 17-36.
- Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh Tahap Akauntabiliti Guru, Peranan Pentadbir dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 170-180.
- Asbullah, L. H., Lubis, M. A., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2018). (The level of holistic, intrinsic and extrinsic motivation towards arabic language vocabulary among graduate students in public universities)[Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa arab dalam kalangan graduan universiti awam]. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*.
- Azhar, M. Q. A., & Mahamod, Z. (2018). Tahap Perbezaan Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Menggunakan Enam Topi Pemikiran Berdasarkan Jantina Dan Pengkhususan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (Knowledge Differences, Attitudes and Practices Using Six Thinking Hats by Gender and Specialization in the Malay Language Primary School Teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(3), 13-24.
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad & Abd. Rahman Abd. Aziz. (2005). Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Ict). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 15-24.
- Azwar, S. (2010). *Sikap Manusia Teori Dan Pengukurannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Baharuddin, S. H., & Badusah, J. (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Bahasa Melayu (Level of Knowledge, Skills and Attitudes of Secondary

- School Teachers to Use Web 2.0 in Malay Language Teaching). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 33-43.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2016). Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Tahap Efikasi Guru. *Journal Of Personalized Learning*, 2(1), 9-17.
- Bandura, A. (1994). Self-efficacy. In V. S. Ramachaudran (Ed.), *Encyclopedia of human behavior* (Vol. 4, pp. 71-81). New York: Academic Press. (Reprinted in H. Friedman [Ed.], *Encyclopedia of mental health*. San Diego: Academic Press, 1998).
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise Of Control*. W H Freeman/Times Books/ Henry Holt & Co.
- Bedel, E. F. (2016). Exploring Academic Motivation, Academic Self-efficacy and Attitudes toward Teaching in Pre-service Early Childhood Education Teachers. *Journal of Education and Training Studies*, 4(1), 142-149.
- Bland, L. R. (2020). *Teacher Perspectives of Project-Based Learning Implementation in Middle-Grade Classrooms* (Doctoral dissertation, Walden University).
- Boote, D. N., & Beile, P. (2005). Scholars Before Researchers: On The Centrality Of The Dissertation Literature Review In Research Preparation. *Educational Researcher*, 34(6), 3-15.
- Brahim, N. H. (2012). *Kesediaan Guru Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek Di Sekolah* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Chee, P. K. (2017). *Pengaruh Sikap, Norma Subjektif Dan Efikasi Kendiri Terhadap Domain Afektif Pengajaran Pendidikan Jasmani: Bimbingan Pensyarah Penyelia Sebagai Moderator* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Chew, F. P., & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Ching, M. C. H., & Badusah, J. (2010). The Attitudes of Malay Language Teachers Towards the Usage of Information Technology and Communication (ICT) in

- Teaching Primary School in Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 35(1), 59-65.
- Cyprian, T. E. (2014). *Teacher Self-Efficacy In a Project-Based Learning (Pbl) Classroom*. The University of Texas at Arlington.
- Dasan, N., & Nawil, M. M. R. M. (2020). Hubungan Efikasi Kendiri Guru Dengan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). *e-Bangi*, 17(4).
- Daud, R., Ab Rahman, R., & Wahab, N. A. (2020). Sikap Dan Tingkah Laku Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Dalam Proses Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 24-35.
- Engin, G. (2020). An Examination of Primary School Students' Academic Achievements and Motivation in Terms of Parents' Attitudes, Teacher Motivation, Teacher Self-Efficacy and Leadership Approach. *International journal of progressive education*, 16(1), 257-276.
- Erdem, E. (2015). The Relationship Between Self-Efficacy And Attitudes Of Chemistry Teacher Candidates. *Problems of Education in the 21st Century*, 63, 62.
- Farimah, G. (2014). *Self Efficacy Beliefs Among English As a Foreign Language Teachers In Selected Language Centers*. PhD thesis, University of Malaya.
- Gorozidis, G., & Papaioannou, A. (2011). Teachers' Self-Efficacy, Achievement Goals, Attitudes And Intentions To Implement The New Greek Physical Education Curriculum. *European Physical Education Review*, 17(2), 231-253.
- Haddock, Geoffrey and Maio, Gregory Richard 2008. Attitudes: content, structure and functions. In: Hewstone, Miles, Stroebe, Wolfgang and Jonas, Klaus eds. *Introduction to social psychology: a European perspective*. 4th ed., BPS textbooks in psychology, Oxford: Blackwell, pp. 112-133.
- Halim, R. A. (2017). Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual Dan Efikasi Kendiri Guru Di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 47-61.
- Hashim Fauzy Yaacob & Ishak Md Shah (2009). Efikasi Diri Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar IPTA.

- Hassan, M. A. A., Rabbani, M. F., Shukor, M. E. M., & Majid, M. M. A. (2018). Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7, 188-196.
- Hazlin Mohamat. (2016). Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penggunaan Peta Pemikiran i-Think Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Luar Bandar. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Henry, D., & Mahamod, Z. (2021). Hubungan Antara Tahap Kompetensi, Kesiediaan Dan Sikap Guru Dalam Menggunakan Kemahiran Berfikir Enam Topi Pemikiran Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 46-56.
- Hong, K. S., Chai, M. L., Tan, K. W., Hasbee, U., & Ting, L. N. (2014). Esl Teachers' Computer Self-Efficacy, Attitudes Toward Computer And Classroom Computer Use. *Pertanika Journal Of Social Sciences & Humanities*, 22(2).
- Hong, O. C., & Aziah Ismail. (2015). Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42-57.
- Intykbekov, A. (2017). Teacher perceptions of project-based learning in a Kazakh-Turkish Lyceum in the northern part of Kazakhstan.
- Inyega, O. J., & Inyega, N. H. (2017). Teachers' Attitude towards teaching following in-service teacher education program in Kenya. *International Journal for Innovation Education and Research*, 5(4), 93-102.
- Ismail, Suriana (2012) Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah Di Malaysia. *Masters Thesis*, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jaafar, Abd Ghani And Md Johan, Othman (2009) Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Motivasi Dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Masters Thesis*, Universiti Teknologi Malaysia.

- Jaafar, N., & Tamuri, A. H. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan islam sekolah menengah kebangsaan malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 41-60.
- Jafar, M. F., Hasan, S., & Yusoff, A. (2017). Pengaruh Aspek Penyeliaan Pensyarah Dan Aspek Pemerhatian Pengajaran Rakan Terhadap Efikasi Kendiri Guru Pelatih: Satu Struktur Model (The Influence Of Lecturer'S Supervision Aspect And Peer Observation Of Teaching Aspect On Trainee Teachers'Self-Efficacy: A Structural Model). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(3).
- Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Panduan Pengurusan Reka Bentuk Dan Teknologi : Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah. Cetakan Pertama. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Johari, K., Ismail, Z., Osman, S., & Othman, A. T. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(2), 3-14.
- Johari, M. (2017). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dengan Efikasi Kendiri Guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 1-16.
- Junaidah, A.S. (2015). Efikasi guru dalam mengaplikasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran satu tinjauan. (Sarjana Pendidikan), Universiti Sains Malaysia.
- Karim, R. A., & Iksan, Z. (2017). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek Ke Atas Pengetahuan, Sikap Dan Tingkah Laku Murid Tahun 5 Terhadap Tajuk Tenaga.
- Kaviza, M. (2020). Motivasi Intrinsik Dan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Pembelajaran Sejarah Berasaskan Analisis Sumber-Sumber Teks: Satu Kajian Faktorial. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*, 13(1), 17-26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

- Khairani, A. Z. (2016). Mengukur Efikasi Pengajaran Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia (Measuring Teaching Efficacy Of Student Teachers Of Universiti Sains Malaysia). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 15-25.
- Kuppan, A. (2011). Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Kolektif Guru Terhadap Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Sekolah Dengan Komitmen Kualiti Pengajaran (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Lai Nan Poh, Tai Mei Kin Dan Omar Abdull Kareem (2019). Sikap Guru Terhadap Perubahan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Semenanjung Malaysia Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900, Tanjong Malim, Perak
- Layang, F. A., & Mahamod, Zamri. (2019). Tahap Pengetahuan, Kesiapan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think (Knowledge, Readiness and Attitude of Malay Language Primary School Teachers to Implementing i-Think Map in Teaching and Learning). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 37-44.
- Leong, N., & Kiflee, D. N. B. A. (2019). Hubungan Efikasi Kendiri Guru dengan Mindset Guru Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 122-125.
- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin, & Musab Sahrim. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75–93.
- Masingan, C. B., & Sharif, S. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 64-71.
- Mat Ali, N. (2016). Tahap Kesiapan Guru Bahasa Melayu Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di Selangor, Malaysia.
- Md Adam Bin Rohani (2012). Amalan Pengurusan Guru Besar Dan Motivasi Guru Di Sekolah Rendah Universiti Teknologi Malaysia.



- Meidrina, T., Mawaddah, S. N., Siahaan, F. M. M., & Widyasari, P. (2017). The relationship between teacher efficacy and attitude towards inclusive education in private elementary school: A study based on teaching experiences. *Journal of Advances in Humanities and Social Sciences*, 3(3), 124-134.
- Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berasaskan Projek : Kemahiran Membaca Dan Menulis. Universiti Putra Malaysia
- Mohammad Haafiz, A. (2015). Hubungan Antara Efikasi Guru Dan Komitmen Belajar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Master Thesis. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Rasdi Saamah. (2003). Kesiediaan guru-guru sekolah rendah melaksanakan perubahan bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik. Jabatan Pengajian Melayu. Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan.
- Mohd Yusoff, N., & Osman, R. (2010). Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru (The relationship between quality teaching and learning supervision with teachers' efficacy). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 53-71.
- Mohd, A. B., Nawawi, A. B. M., & Ismail, S. N. B. (2017). Tahap Efikasi Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Sekolah Di Sekolah-Sekolah Menengah Dalam Daerah Bachok. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Mohd. Said, Mohd. Rizal And Mohd. Taha, Rehan (2010) Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Memberi Motivasi Kepada Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Enam Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru. Pp. 1-16.
- Monica Laina Tonge & Zamri Mahamod (2020). Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Kemahiran Menulis Karangan Murid Sekolah Rendah (The Effects Of Project-Based Learning On Essay Writing Skills Among Primary School Students). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(01).
- Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim (2019). Kesiediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 32 - 42.

- Nitce Isa Medina Machmudi Isa & Mai Shihah Hj Abdullah (2013). Pembelajaran Berasaskan Projek: Takrifan, Teori Dan Perbandingannya Dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (Project Based Learning: Definition, Theory And a Comparison With Problem Based Learning)). . Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Nizam, N. A., & Rosli, R. (2020). Pengetahuan Isi Kandungan Khusus dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah dalam Pengajaran Topik Pecahan (Primary School Teachers' Specialized Content Knowledge and Self-Efficacy in Teaching Fraction Topic). *Akademika*, 90(3).
- Noor Erma Binti Abu dan Leong Kwan Eu (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Nor, M. N. A. M., Kamarudin, N., Manaf, U. K. A., & Puad, M. H. M. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah. *International journal of education and training*, 3(2), 1-7.
- Norita, I. (2012). Kepimpinan Instruksional Pengetua, Kerenah Birokrasi Dan Efikasi Kendiri Guru Di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Norliza Brahim, Shaffe Mohd Daud & Rosnaini Mahmud. (2010). PBL Sebagai Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kontemporari Abad Ke-21 Di Malaysia. Himpunan Kertas Kerja 2nd International Malaysia Educational Technology Convention. 461–471.
- Omar, M. N., & Ismail, S. N. (2019). Hubungan kepimpinan teknologi pengetua dan efikasi sendiri guru. *JuPiDi: Jurnal kepimpinan pendidikan*, 6(4), 1-21.
- Othman, N., & Omar, H. M. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5.
- Ott, L. F. (2015). Attitudes of secondary teachers towards project based learning: A phenomenology (Doctoral dissertation, Capella University).

- Özokcu, O. (2018). The Relationship between Teacher Attitude and Self-Efficacy for Inclusive Practices in Turkey. *Journal of Education and Training Studies*, 6(3), 6-12.
- Pajares, F. (2002). Overview Of Social Cognitive Theory And Self Efficacy.
- Radzi, N. M., & binti Muzammil, N. F. (2018). Tahap Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 12-28.
- Rahimah, J., Rosini, A., Abdullah, M. R. & Habsah, I. (2014). Tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran kekeluargaan. *Sains Humanika*, 2(4).
- Rahman, M. B. H. A., & Baharuddin, M. (2015). Kesan pemantauan interaktif bersistematik pembelajaran berasaskan projek (PBP) terhadap motivasi pembelajaran, regulasi sendiri dan metakognisi dalam kalangan pelajar politeknik (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Rizal, M., & Taha, R. M. (2010). Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor yang Memberi Motivasi kepada Kreativiti Guru dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Enam Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohani, M. A. (2012). Amalan Pengurusan Guru Besar dan Motivasi Guru Di Sekolah Rendah (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Rumainah Ibrahim @ Ismail Dan Faridah Mydin Kutty (2016). Dorongan Autonomi Guru Dalam Pembentukan Motivasi Intrinsik Murid Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019, November). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (Vol. 23, No. 1, pp. 87-105).
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American psychologist*, 55(1), 68. University of Rochester.

- Sazali Yusof, Zurida Ismail, & Mustapa Kassim (2002). Efikasi-Kendiri Guru Besar: Penerokaan Dan Pembinaan Instrumen. Prosiding Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Ke-11. Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- Shafinaz A. Maulod, Chua Yan Piaw, Leong Mei Wei & Shahrin Alias. (2016). Kepimpinan Instruksional Pengetua Dan Hubungannya Dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan. Jilid 30 Bil. 02.
- Shah, I.M. (2009). Efikasi Diri Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Ipta.
- Shin, Myeong-Hee. (2018). Effects of project-based learning on students' motivation and self-efficacy. *English Teaching*, 73(1), 95-114.
- Shuib, Habibah , (2010). "Strategi Pembelajaran Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Bahasa Jepun" Phd Diss., Universiti Malaya.
- Siti Nazurana Konaen (2012). Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Bercantum Bahasa Melayu. 2017. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Suhaimi, N. S. M. (2017). Standard Guru Malaysia Dalam Program Persediaan Guru Reka Bentuk Dan Teknologi (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Sukri, N. M. (2013). Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi Di Kolej Vokasional. Universiti Teknologi Malaysia.
- Suresh Kumar Kuppusamy. (2016). Hubungan Antara Disposisi Pemikiran Kritis Dengan Sikap, Persepsi Dan Efikasi Secara Pengajaran Koperatif Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Integrasi. Universiti Putra Malaysia.
- Syed Hussain, T. P. R., & Abd. Muttalib, I. (2016). Kajian Sikap Rakyat Malaysia Terhadap Kesetiaan Kepada Negara. *Journal Of Techno Social*, 8(2).
- Syed Jaafar Bin Syed Ali. (2014). Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Amali Teknologi Pembinaan Di Kolej Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- Tai, M. K., & Omar, A. (2014). Teacher attitudes toward change: A study in Malaysian high performing secondary school. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(3), 543-549.
- Tasriff, S. R. F., Rahman, R. A., Rahmanb, A. A., & Patahc, S. A. (2016). Efikasi Kendiri dan Strategi Pembangunan Kerjaya Kakitangan Sokongan (Self-Efficacy and Career Development Strategy for Support Staff). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Vol. 4, No. 2. Pages 125-135, 2016. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tawan, A., Nazarudin, M. N., Noordin, Z., Tu, M. M., & Watinin, N. (2020). Hubungan Motivasi, Kecerdasan Emosi Dan Efikasi Dengan Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1-12.
- Tay, M. G. (2003). Satu Tinjauan Terhadap Sikap Dan Masalah Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Kuching: Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Tay, M. G., Kirar Ak Sare, & Litat Bilung. (2015). Kesiediaan Pelajar Institut Pendidikan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang*, Jilid 12, 1-18.
- Vinathan, T. A. (2017). Hubungan motivasi guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran di SJK (T) daerah Kuala Muda Yan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1043-1054.
- Wallace, M. J. (1991). *Training Foreign Language Teachers: A Reflective Approach*. New York: Cambridge University Press.
- Wijayanti, Desy (2016) Pengaruh Model Pembelajaran Group Investigation Terhadap Penguasaan Konsep Dan Efikasi Diri Siswa Sma Pada Konsep Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kelarutan. S2 Thesis, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Yahya, N., Baharudin, H., & Hamzah, M. I. (2018). Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab (Teacher Self-Efficacy in Teaching Arabic). *Malays. Online J. Educ*, 2, 10-17.

- Yashak, A., Shak, M. S. Y., Tahir, M. H. M., Shah, D. S. M., & Mohamed, M. F. (2020). Faktor Motivasi Teori Dua Faktor Herzberg dan Tahap Motivasi Guru Pendidikan Islam.: Herzberg Two-Factor Theory's Motivation Factor and the Islamic Studies Teachers Motivation Level. *Sains Insani*, 5(2), 65-74.
- Yusof, M. M., Muda, A., Abdullah, A. M., Samah, B. A., Basri, R., & Rashid, N. A. (2013). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Malaysia Dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar. *Journal of Educators & Education/Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 28.
- Yusoff, Mohd Alwee, dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2010). "Motivasi Dan Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri: Perspektif Malaysia." *Al-Nur Journal Of Graduate School, Fatoni University* 5.8 : 57-71.
- Zaiha Nabila, M. H. (2014). Kompetensi guru dalam pengajaran amali reka bentuk dan teknologi di sekolah rendah Daerah Batu Pahat (Doctoral dissertation, Master Thesis). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.(In Malay)).
- Zalifah, S. (2014). Tahap efikasi sendiri dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru guru pelatih institut pendidikan guru (IPG). (Tidak Diterbitkan Tesis Masters), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Sahaat dan Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah (Challenges in the Implementation of Design and Technology Subject in Secondary School). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1) Isu Khas (2020): 51-59.
- Zulkifli Abdul Manaf & Raja Maznah Raja Hussain. 1994. Attitudes, Knowledge And Previous Computer Experience Of Teacher Trainees In The Diploma Of Education Programme At The University Of Malaya. *Journal Of Educational Research* 16: 1-19.